

BERITA ONLINE

BERITA RTM

TARIKH : 9 DISEMBER 2022



Pemain industri PMKS perlu optimum penggunaan teknologi dalam perniagaan

December 9, 2022 Written by Media Baharu Published in Ekonomi

Tweet

11

Like

Share



Hits: 94



Print



Email



KUALA LUMPUR, 9 Disember- Pemain industri Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) perlu meningkatkan ilmu, memanfaatkan inovasi dan mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam perniagaan.

Pengarah Pusat Keusahawanan dan Pembangunan Pelajar Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Aida Idris berkata meneruskannya, ia bukan sahaja berupaya meningkatkan produktiviti malah mewujudkan kepelbagaian dalam produk jualan.

Beliau berkata penggunaan teknologi Revolusi Industri 4.0 penting untuk meningkatkan kemampuan syarikat agar lebih berdaya saing sekali gus mampu bergerak seiring kemajuan teknologi.



(Pengarah Pusat Keusahawanan dan Pembangunan Pelajar Universiti Malaya,
Prof. Madya Dr. Aida Idris)

"PMKS perlu terus menimba ilmu dan aplikasi teknologi supaya boleh mempelbagaikan. Kita tidak mahu PMKS kita tertumpu dan bersaing dalam industri yang sama.

"Semasa usahawan ingin mencari idea baru untuk memulakan perniagaan, mereka seharusnya menimba ilmu terlebih dahulu bagaimana hendak menyediakan pelan perniagaan yang kukuh.

"Dalam proses menyediakan pelan perniagaan, banyak teknik-teknik boleh dipelajari untuk memastikan setiap produk atau perkhidmatan yang ditawarkan ada permintaan atau tidak", katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemu bual secara maya menerusi sebuah rancangan terbitan RTM.